

Menghasilkan Penulisan Berbentuk Ulasan Buku

NUR HELMI@NUR JANNAH BINTI AZMAN

Pensyarah Kanan

Fakulti Sains Gunaan, UiTM Kampus Kuala Pilah



Ulasan buku adalah satu bentuk rencana ulasan yang agak popular di Malaysia dan negara luar. Di negara-negara Barat, beribu-ribu judul buku yang baharu diterbitkan saban tahun, termasuk buku-buku yang diterbitkan semula dalam edisi yang baharu selepas penambahbaikan dilakukan. Disebabkan terlalu banyak buku yang diterbitkan dalam pelbagai bidang, maka ulasan bagi sesuatu judul baru itu sangat dinantikan oleh pembaca. Ulasan yang membina dan positif akan memastikan buku itu mendapat pasaran yang luas dan baik. Keadaan sebaliknya akan berlaku sekiranya buku itu tidak bermutu dan mempunyai pelbagai kelemahan.

Ulasan yang baik adalah berbentuk informatif, pentafsiran dan penilaian. Informatif bermaksud mempunyai-

segala maklumat penting yang diperlukan dan membolehkan pembaca membuat keputusan. Pentafsiran pula bermaksud mutu karya itu apabila dibandingkan dengan karya lain seumpamanya. Penilaian pula bererti penghakiman nilai terhadap kewajaran membeli atau memiliki buku tersebut. Terdapat beberapa pendekatan untuk membuat ulasan buku iaitu:-

1. Laporan

Pendekatan seperti ini hanya memerlukan anda bertindak sebagai pelapor di mana hanya kandungan buku itu sahaja yang dilaporkan. Bab-bab dan sedikit penjelasan tentang buku tersebut diceritakan. Penulisan dengan cara ini adalah yang paling mudah dan cepat dilakukan kerana hanya memaparkan isi-isi penting sahaja.



2. Pentafsiran

Penulisan cara begini paling banyak digunakan apabila buku baharu ingin diterbitkan dalam jurnal-jurnal akademik. Pendekatan begini memerlukan anda memahami sebaiknya dan mengetahui bidang sesuatu buku yang diulas itu. Seorang ahli sains mampu mengulas buku-buku dalam bidang sains lebih baik berbanding ahli sastera. Pentafsiran berkesan memerlukan pengulas meletakkan buku tersebut dalam konteks buku-buku lain yang sebaris dengannya. Pengulas perlu membincangkan kekuatan dan kelemahan buku yang baharu itu berbanding buku-buku yang lain dengan tajuk yang lebih kurang sama atau serupa. Ulasan dengan kaedah ini banyak digunakan untuk buku akademik dan separa akademik. Ulasan seperti ini membantu menerangkan kepentingan sesuatu buku itu dalam konteks pembangunan sesuatu disiplin ilmu. Dalam akademik, buku yang baharu mestilah memberikan input yang baru kepada peningkatan disiplin ilmu. Buku yang tidak dapat membina pemahaman pengamal disiplin akan dianggap buku yang lemah dan penulis buku itu dianggap tidak mampu menguasai bidang itu dengan baik. Penulis hendaklah mengkaji dan menyelidik bahan terbaru yang boleh diketengahkan agar penemuan ini dapat disebar sebaik dan seluas yang mungkin.

3. Penghakiman

Penulisan dengan pendekatan seperti ini terletak antara kontinum laporan-pentafsiran. Pengulas akan menekankan keperluan untuk membaca ataupun tidak sesuatu buku itu. Pengulas juga tidak perlu membandingkan buku tersebut dalam konteks buku lain dalam bidang itu. Penulisan seperti ini lebih mudah dan sesuai bagi pembacaan semua peringkat masyarakat. Pengulas biasanya mengulas buku bukan akademik seperti cerpen, novel, pengetahuan am dan kanak-kanak.



Strategi Mengulas Buku

Beberapa langkah yang perlu untuk mengulas buku dengan baik adalah:-

1. Baca keseluruhan buku

Pembacaan keseluruhan buku adalah sangat diperlukan sebelum mengulas kandungan buku tersebut. Elakkan membaca buku itu secara melompat-lompat supaya anda dapat melihat keseluruhan idea yang disampaikan oleh penulis.

2. Buat catatan penting

Ketika pembacaan dilakukan, pastikan anda mencatat perkara penting di tepi halaman buku. Ini adalah untuk memudahkan rujukan semula dan anda tidak perlu mencari-cari perkara penting itu ketika penulisan dilakukan.

3. Tentukan objektif penulis

Setiap penulis mempunyai objektif tertentu semasa menulis buku. Anda sebagai pengulas mesti memastikan objektif itu tercapai atau sebaliknya. Objektif dinyatakan daripada tajuk dan prakata di dalam buku. Buku seperti novel dan cerpen tidak mempunyai prakata dan objektifnya hanya ditafsirkan melalui tajuknya. Objektif dan tajuk buku harus dibandingkan dengan perkara penting yang telah dicatatkan.

4. Baca rencana ulasan lain yang pelbagai

Membaca ulasan penulis yang lain dapat membantu anda mengetahui cara penghasilan ulasan yang baik. Penulisan seperti ini dapat dilihat dan dibaca di dalam akhbar dan majalah tempatan yang menyediakan ruangan khusus untuk tujuan tersebut.

